

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN X - PENDIDIKAN AGAMA ISLAM

Seksyen 107. Kesalahan mengajar agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam tanpa tauliah.

(1) Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau mana-mana perkara tentang agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 106 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi-

(a) mana-mana orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh Majlis di bawah seksyen 109; atau

(b) mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau mana-mana perkara tentang agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarganya sahaja.
